

LADANG PINGGIR BANDAR

■ **Fasiliti Fakulti Pertanian UPM seluas 60 hektar perkenal cara ternakan secara moden dan sistematik**

Suraya Roslan dan Syazwan Msar
am@hmetro.com.my

Serdang

Walaupun dikelilingi dengan pembangunan pesat dan berhampiran dengan ibu kota Kuala Lumpur, Jabatan Sains Haiwan (JSH) Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) menampilkan konsep ladang pinggir bandar dengan pengurusan sistematik dengan menghadkan bilangan ternakan di kandang.

Ia bagi memastikan ladang lebih bersih dan terhindar daripada pelbagai masalah seperti penyakit serta menjadi tarikan utama untuk penyelidikan dan pembiakan haiwan ternakan dibangunkan JSH.

Jarak setiap kandang juga berperanan penting apabila setiap ladang ternakan tidak diletakkan dalam satu tempat supaya penjagaan dan kawalan kebersihan boleh dilaksanakan secara optimum.

Ladang berkeluasan 60 hektar itu menempatkan rumah kaca, rumah teuduan

hujan berpusat, rumah kalis serangga, kandang lembu fidlot, kandang kambing, reban ayam pedaging, reban ayam penelur, reban ayam kampung, kolam tadahan air, kolam ternakan ikan dalam sangkar, perkhidmatan jentera dan peralatan ladang untuk pengajaran amali dan penyelidikan.

Dekan Fakulti Pertanian Prof Dr Abdul Shukor Juraimi berkata, berkonsepkan ladang pinggir bandar yang sistematik, pengurusan najis ternakan diuruskan secara terus atau diproses untuk menjadi baja.

"Biasanya, najis ini diasingkan daripada rumput dan sampah dan disimpan selama 40 hari sehingga mengalami penguraian bakteria bagi menghasilkan baja kompos.

"Baja ini boleh digunakan terus atau dikeringkan, bagi yang berbentuk kering sering digunakan kerana keadaannya yang lebih mudah ditangani dan tidak berbau," katanya kepada Harian Metro.

Abdul Shukor berkata, setakat ini JSH mempunyai 20 ekor ternakan lembu, 80 kambing, 15 biri-biri, 2,000 ayam daging, 4,000 ayam kampung dan 50 lembu fidlot.

"Ladang Fakulti Pertanian berkeluasan 60 hektar menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk pelbagai aktiviti seperti pengajaran amali ladang, penyelidikan lapangan, lawatan sambil belajar, khidmat nasihat dan perkhidmatan jentera ladang," katanya.

Menurutnya, JSH begitu komited dalam melakukan kajian dalam menghasilkan baka terbaik untuk dimanfaatkan oleh penternak, sekali gus menghasilkan daging atau susu berkualiti tinggi memenuhi pasaran semasa.

"Pelbagai kajian dilaksanakan oleh pihaknya termasuk membantu dalam melakukan siasatan membabitkan penyakit haiwan.

"Baka yang dibiak oleh kami di beberapa ladang sekitar UPM bukan bertujuan mengaut keuntungan semata-mata, namun lebih kepada proses pembelajaran. Ramai penternak datang ke fakulti kami untuk berbincang dan mengetahui lebih terperinci mengenai pembiakan haiwan untuk tujuan komersial," katanya.

Sementara itu, Ketua JSH Fakulti Pertanian UPM Prof

Dr Loh Teck Chwen berkata, pihaknya sudah melakukan beberapa kajian membabitkan baka lembu, kambing dan ayam yang mempunyai ketahanan penyakit lebih tinggi, malah mudah daripada segi penjagaannya.

"Pensyarah dan kakitangan fakulti juga mempunyai pengetahuan luas dalam bidang ternakan haiwan, malah kepakaran mereka itu juga sering ditagih oleh pemain industri.

"Ada antara syarikat swasta yang datang ke universiti untuk mendapatkan khidmat nasihat selain berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan ternakan bagi meningkatkan produktiviti mereka.

"Selain itu, kita juga terbabit dalam kajian penghasilan makanan haiwan kerana ia penting untuk menghasilkan baka terbaik," katanya.




Menurutnya, penjagaan haiwan ternakan di ladang UPM sentiasa dipantau rapi

malah diberikan penjagaan sempurna oleh pensyarah dan kakitangan.

"Pelajar juga terbabit dalam proses penjagaan dan pembiakan haiwan selain membuat kajian sebagai antara subjek wajib mereka.

"Mereka diberikan pendedahan latihan amali merangkumi pembiakan, penternakan dan juga rawatan, sekali gus tidak hanya tertumpu pada teori semata-mata," katanya.

“Biasanya, najis ini diasingkan daripada rumput dan sampah dan disimpan selama 40 hari sehingga mengalami penguraian bakteria bagi menghasilkan baja kompos”
Dr Abdul Shukor Juraimi



ANTARA ternakan yang dipelihara

